

Bush bohong, Badawi sokong

Presiden Bush tiba-tiba mendedahkan bahawa seorang rakyat Malaysia terlibat dalam rancangan merampas sebuah pesawat untuk menyerang bangunan tertinggi di Los Angeles pada 11 September 2001. Bangunan setinggi 310 meter itu adalah US Bank Tower yang juga dikenali sebagai Library Tower.

Orang yang dimaksudkan oleh Bush itu adalah Zaini Zakaria. Ekoran kenyataan Bush itu, Abdullah Badawi telah membuat kenyataan bahawa kerajaan Malaysia telah bertindak lebih awal dengan menahan Zaini di bawah ISA. Zaini ditahan di Kem Tahanan Kamunting sejak Disember 2002.

Isteri beliau Saodah Matin menafikan suaminya terlibat.

Syed Ibrahim Syed Noh, Pengerusi GMI mendesak Bush mengemukakan bukti jika benar-benar Zaini terlibat serta menghentikan sebarang tuduhan liar tanpa bukti.

Ketua Penerangan KeADILan, Tian Chua mencabar agar Bush kemuka bukti dan bukan sekadar pandai menuduh.

Bush tidak dapat bertahan dengan bukti-bukti yang semakin banyak diketengahkan di AS sendiri bagi mendedahkan pembohongannya. Kini telah bertambah banyak pihak di AS yang ragu dan curiga tentang laporan rasmi pentadbiran Bush tentang serangan 11 September.

Sehingga kini masih ramai mereka yang tersenarai dalam senarai FBI sebagai perampas pesawat itu yang masih hidup.

Information Times melaporkan Menteri Luar Arab Saudi, Putera Saud Al-Faisal memberitahu Arabic Press selepas perjumpaan dengan President George W. Bush: "It was proved that five of the names included in the FBI list had nothing to do with what happened."

Bersumber daripada wartawan kanaan American Free Press, Christopher J. Petherick, akhbar The Orlando Sentinel melaporkan bahawa Kedutaan Arab Saudi mengesahkan empat daripada lima orang yang disebut oleh Putera Saud Al-Faisal, iaitu Saeed Alhamdi, Mohand Alshehri, Abdulaziz Alomari and Salem Alhazmi tidak mati dan tidak terlibat dalam serangan di New York dan Washington.

Rencana seperti View of a Military Expert: Why the Towers of the World Trade Center Collapsed? yang turut disiarkan dalam Suara Keadilan dan banyak lagi kajian ilmiah dan saintifik menambah lagi keraguan dan kecurigaan orang ramai terhadap Bush.

Baru-baru ini pula, Thomas R. Olmsted M.D dalam laporannya berjudul Autopsy No Arabs on Flight 77 membuktikan bahawa tidak terdapat bukti bahawa ada warga Arab yang maut dalam kebakaran WTC.

Bahkan beliau amat curiga mengapa pihak pentadbiran Bush tidak memberi kebenaran agar satu autopsi dan kajian yang lebih menyeluruh dijalankan.

Ada pembohongan Bush di situ? Itu Bush, bagaimana pula Abdullah Badawi? Benarkah Abdullah Badawi sudah lebih dahulu daripada Bush

mengetahui bahawa Zaini ada rancangan untuk merampas pesawat dan merempuhnya ke US Bank Tower? Kalau benar sudah pasti itu menjadi pernyataan fakta untuk perintah tahanan nombor 1 terhadap Zaini!

Setiap tahanan ISA yang hendak dikenakan tahanan ke Kem Kamunting perlu diberikan satu dokumen bertajuk 'Pernyataan di Bawah Seksyen 11(2)(b) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Semakan 1972)'. Ini satu peruntukan undang-



Abdullah Badawi berpendapat adalah salah bagi AS mendera dan menyiksa umat Islam, tetapi tidak apa jika Islam Hadhari yang mendera, menahan dan menyiksa umat Islam di negara ini.

undang! Ini serius ni! Abdullah Badawi tidak boleh main-main dalam hal ini!

Semasa saya ditahan ISA, saya dikenakan lima tuduhan sebagai fakta untuk perintah tahanan. Alasan pertama saya ditahan ke Kem Kamunting adalah kerana: "Kamu mengatakan Dr Mahathir membuang Al-Quran dan As-Sunnah di mana perbuatan kamu ini boleh mengancam ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan negara!"

Itu dosa saya pada pandangan kerajaan Malaysia yang menyebabkan saya merengkok di Kem Kamunting selama dua tahun.

Orang yang menandatangani perintah tahanan dua tahun ke atas saya adalah tidak lain dan tidak bukan, Abdullah Ahmad Badawi.

Kalau benarlah apa yang dinyatakan oleh Abdullah Badawi, maka fakta pertama bagi Zaini mesti berbunyi: "Bahawa kamu, telah merancang untuk merampas sebuah pesawat bagi tujuan merempuh sebuah bangunan tertinggi di sebuah negara kuasa besar dunia di mana perbuatan kamu boleh menjejaskan hubungan baik negara dengan negara kuasa besar dunia itu dan juga boleh mengancam ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan negara!"

Mari kita tanya Abdullah Badawi, semasa beliau menurunkan tandatangan menahan Zaini dahulu, ada atau

tidak fakta ini dalam dokumen pertuduhan Zaini?

Jika ada ini bermakna Abdullah telah mengkhianati persahabatannya dengan Bush kerana membiarkannya Bush meraba-raba selama hampir lima tahun dalam kegelitaaan dan kejahilan sebelum dapat mengetahui rancangan Zaini!

Jika tidak terdapat fakta ini dalam pertuduhan terhadap Zaini, ini bermakna seperti juga Bush, Abdullah Badawi telah melakukan satu

Dari jumlah itu, sekurang-kurangnya 34 disyaki atau disahkan kes bunuh diri secara sengaja atau disebabkan kecuaiannya. Selain itu, mereka juga menunjukkan dokumen bahawa punca 11 lagi kematian meragukan selain 8 hingga 12 lagi tahanan disiksa hingga mati.

Laporan ini dikeluarkan seminggu selepas gambar baru deraan Abu Ghraib disiarkan. Ekoran itu gesaan dibuat agar Camp X-Ray di Guantanamo Bay ditutup. Perdana Menteri Britain, Tony Blair membuat kenyataan agar Kem Guantanamo ditutup. Abdullah Badawi juga mengeluarkan kenyataan yang tegas agar Kem Guantanamo ditutup!

Bila ditanya, kalau Kem Guantanamo ditutup, Kem Kamunting bagaimana? Abdullah Badawi membisu seribu bahasa. Mungkin Abdullah Badawi berpendapat adalah salah bagi AS mendera dan menyiksa umat Islam, tetapi tidak apa jika Islam Hadhari yang mendera, menahan dan menyiksa umat Islam di negara ini.

Apa yang tidak ada dalam tahanan ISA? Ditendang? Diterajang? Dibogel? Dihempok ke dinding? Dikejutkan dengan arus elektrik ke buah zakar? Dibakar janggut? Diancam cabut kuku jika enggan masturbasi? Diacu pistol ke kepala dengan soalan 'kamu takut Tuhan atau takut pistol ni?'. Dan dirokok jubur dengan kabel?

Apa tidak pernahkah berlaku kes tahanan yang membunuh diri semasa ditahan di bawah ISA? Atau tidak adakah kes tahanan dipukul semasa berada dalam tahanan Kem Kamunting? Saya jadi saksi.

Saya sendiri melihat rakan setahanan saya, Tian Chua dikerumuni dan dipukul oleh belasan anggota Unit Keselamatan Penjara semasa kami berada di Kem Kamunting. Hishamudin Rais pula dikepak tangannya dan terus disumbatkan ke sebuah sel gelap dalam Kem Kamunting!

Apa jadi kepada tahanan yang dituduh sebagai 'JI' yang dibelasah



Saari Sungib
abuurwah@gmail.com

sampai lebam kedua-dua belah matanya, tidak boleh berjalan dan cedera tulang rusuknya semasa di Kem Kamunting?

Bukankah aduan telah dibuat ke Suhakam? Bukankah SB-SB yang ban*sat telah dikerahkan ke Kem Kamunting bagi mengancam mereka yang teruk dibelasah agar tidak membuat sebarang aduan dan membawa kes mereka dibelasah ke mahkamah?

Bukankah semua jenis penyiksaan ini telah disampaikan ke Suhakam?

Bahkan Tun Dzaidin selaku Pengerusi Suruhanjaya Penambahbaikan Polis juga turut menerima laporan penderaan ini pada minggu-minggu awal lagi tertubuhnya suruhanjaya tersebut.

Abdullah Badawi pernah mengemukakan perbuatan tentera AS di penjara Abu Ghraib yang membogelkan tahanan dan mengencingkan mereka.

Tetapi tahukah Abdullah Badawi bahawa jika umat Islam di Abu Ghraib dikencingkan oleh tentera AS, tahanan ISA di Malaysia telah dipaksa minum air kencing SB dalam keadaan berbogel, tangan bergari dan melutut!

Kem Guantanamo, Abu Ghraib, Kem Kamunting, semuanya sama saja. Di mana kewarasan Abdullah Badawi dan Islam Hadhari? **SK**